

# Seimbangkan kecemerlangan akademik dan kepimpinan: Musa

NST 25.10.2016 3

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman menasihatkan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS) supaya sentiasa menyeimbangkan kepentingan antara kecemerlangan kepimpinan dan akademik sepanjang mereka berada di menara gading.

Musa berkata peluang melanjutkan pelajaran ke universiti membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan masa depan lebih baik untuk generasi muda manakala peluang bertanding dalam pilihan raya kampus pula

adalah bukti ruang dan peluang diberikan untuk menggasah kepimpinan orang muda.

“Cemerlang dan sukseslah dalam pengajian dan dalam masa yang sama menjadi pemimpin dan wakil pelajar yang berwibawa, bertanggungjawab, berfikiran terbuka dan rasional,” katanya ketika meraikan kunjungan hormat anggota MPPUMS ke atasnya di sini kelmarin.

Menjelaskan komitmen tinggi kerajaan dalam pembangunan pendidikan di negara ini, Musa berkata Bajet 2017 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Na-

jib Tun Razak Jumaat lepas bukti kepentingan warga kampus di institut pendidikan tinggi (IPT) tidak diabaikan.

Katanya sebanyak RM7.4 bilion diperuntukkan kepada 20 universiti awam di negara ini untuk meningkatkan taraf kualiti pendidikan universiti ke peringkat global manakala RM4.3 bilion disediakan untuk biasiswa pelajar.

Bagi Sabah katanya, kerajaan negeri juga menjaga kepentingan masa depan generasi muda yang dicerminkan melalui bajet negeri dengan menyediakan peruntukan besar kepada kementerian berkaitan untuk membangunkan



**MESRA...** Musa beramah mesra dengan anggota majlis perwakilan pelajar Universiti Malaysia Sabah yang membuat kunjungan hormat di Kediaman Rasmi Ketua Menteri Sabah, Sri Gaya kelmarin.

modal insan generasi muda.

“Kita sentiasa terbuka untuk menerima dan mendengar apa juga cadangan, pandangan, idea berasas, pendapat yang membina untuk kepentingan negeri dan rakyat Sabah, termasuk dari kalangan warga IPT dan MPP,” katanya.

Sementara itu, Musa juga mengingatkan pelajar IPT dan

kepimpinan MPP di universiti sesekali membenarkan sesiapa pun menyemai rasa kebenarian, prasangka dan hasutan untuk meruntuhkan suasana ini.

“Jangan terpengaruh dengan fitnah dan fahaman song-sang yang boleh merosakkan keharmonian negara seperti Daesh dan parti-parti pembangkang,” katanya.